

## **LJT 6 Jld. 7/(68)**

4 Ogos 2005

### **Semua Juruukur Tanah Berlesen**

### **PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN 1/2005 – PERKONGSIAN DAN PEMEGANGAN EKUITI DALAM FIRMA JURUUKUR TANAH BERLESEN**

#### **1 TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan menyediakan garis panduan mengenai bentuk-bentuk perkongsian serta pemegangan ekuiti dalam firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB) di Semenanjung Malaysia.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Peraturan 100 (h) Peraturan-Peraturan Jurukur Tanah Berlesen 1959 membuat peruntukan tidak membenarkan perkongsian dengan selain daripada Jurutera Profesional, Arkitek Berdaftar, Juruukur Berdaftar atau Juruukur Tanah Berlesen tanpa persetujuan Lembaga.
- 2.2 Perkongsian di antara JTB dalam sesebuah firma ukur adalah melalui pemegangan jumlah ekuiti tertentu dalam firma berkenaan yang diwujudkan oleh dokumen yang dipersetujui bersama antara dua atau lebih pihak atau melalui pendaftaran perniagaan.
- 2.3 Di masa-masa kebelakangan ini Lembaga mendapati terdapat peningkatan permohonan oleh JTB untuk mewujudkan perkongsian melalui penubuhan syarikat sendirian berhad. Sesetengah klien lebih mengutamakan perkongsian bentuk ini kerana ianya dikatakan mempunyai merit tertentu.

Lembaga juga mendapati wujudnya perkongsian di antara JTB dengan JTB lain melalui pemegangan ekuiti dalam firma JTB lain itu. Amalan seperti ini belum berleluasa sungguhpun tiada peraturan yang menghalang perkongsian dalam bentuk sedemikian.

### 3. PELAKSANAAN

Dengan terbitnya pekeliling ini dan selagi ianya tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan yang berkuatkuasa, JTB yang berhasrat mewujudkan perkongsian dalam sesebuah firma ukur yang berdaftar dengan Lembaga hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Ekuiti dalam mana-mana firma ukur hendaklah dipegang sepenuhnya oleh JTB kecuali dibenarkan oleh Lembaga sepetimana diperuntukkan di bawah Peraturan 100 (h) Peraturan Jurukur Tanah Berlesen 1959;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah firma ukur hendaklah terdiri daripada Juruukur Tanah Berlesen sahaja;
- 3.3 Semua firma ukur hanya dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti pengukuran-pengukuran hakmilik tanah, strata dan stratum, topografi, kejuruteraan, fotogrammetri, hidrografi, sains geoinformasi dan lain-lain yang berkaitan dengan ukur dan pemetaan. Hanya skop aktiviti ini sahaja boleh dinyatakan dalam "Memorandum and Articles of Association" firma tersebut;
- 3.4 Semasa mengemukakan permohonan pendaftaran sebagai syarikat sendirian berhad dengan Lembaga, salinan "Memorandum and Articles of Association" (Memorandum), salinan Borang 49 (butir-butir Pengarah, Pengurus dan Setiausaha Syarikat Berdaftar) (Borang 49) dan salinan Borang 24 (Penyata Pemegang Saham) (Borang 24) di bawah Akta Syarikat 1965 yang diperakui oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Companies Commission of Malaysia) (SSM) hendaklah disertakan;
- 3.5 Firma yang didaftarkan hendaklah mengemukakan kepada Lembaga salinan Memorandum, salinan Borang 49 dan salinan Borang 24 yang diperakui oleh SSM setiap 6 bulan selepas di daftarkan;
- 3.6 Seseorang JTB yang mempunyai ekuiti dalam lebih daripada satu firma ukur boleh menjalankan amalannya sebagai JTB dengan satu firma ukur pilihannya sahaja;

- 3.7 Mana-mana firma ukur yang didaftarkan sebagai syarikat sendirian berhad sebelum keluarnya pekeliling ini dan tidak mematuhi syarat-syarat di atas dikehendaki mengambil langkah untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas dalam masa 3 bulan daripada tarikh penguatkuasaan pekeliling ini; dan
- 3.8 Mana-mana firma ukur yang didaftarkan sebagai syarikat sendirian berhad dan selepasnya tidak mematuhi syarat-syarat di atas dikehendaki memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis dalam masa empat belas hari dan mengambil langkah untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas dalam masa tiga bulan dari tarikh perkara ini dimaklumkan kepada Lembaga.

#### 4. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh pengeluarannya.



(DATO' HAMID BIN ALI)  
*Pengerusi*  
Lembaga Jurukur Tanah  
Semenanjung Malaysia